

U PB 22-03 00138 BB933

AAB

Mahathir - Usukan

JITRA, 22 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Barisan Nasional (BN) akan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Usukan.

Katanya, BN tidak perlu mencabar pengisytiharan Dewan Undangan Negeri berkenaan mengenai kekosongan kerusi tersebut setelah anggotanya, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun, tidak lagi menjadi anggota USNO kerana menyertai UMNO.

Ketika diminta mengulas kesediaan Tun Mustapha untuk bertanding dan tidak mencabar keputusan itu di mahkamah, Perdana Menteri berkata: +Kita contestlah (bertandinglah)...kita lawanlah.+

Ketika ditanya lagi sama ada beliau yang menasihati Tun Datu Mustapha supaya jangan mencabarnya di mahkamah, beliau berkata: +Saya rasa tak payah pi mahkamah...boleh bertanding.+

Mengenai calon bagi kerusi tersebut, Datuk Seri Dr Mahathir berkata calonnya belum ditentukan lagi. -- Lagi

♥22/03/22-13MST

U PB 22-03 00170 BB934

AAB

Mahathir - Usukan 2 Jitra

Datuk Seri Dr Mahathir yang ditemui selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Kampung Telok Malek, di sini, bagaimanapun, tidak menyatakan kenapa BN sedia bertanding pada pilihan raya kecil itu dan tidak mencabar perkara itu di mahkamah seperti yang pernah disebut-sebut sebelum ini.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan bahawa writ bagi pilihan raya kecil Usukan akan dikeluarkan minggu depan setelah Dewan Undangan Negeri Sabah mengisytiharkan kekosongan tersebut.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis tersebut, Datuk Seri Dr Mahathir berkata umat Islam di negara ini mesti menimba ilmu sebelum boleh menjadi umat yang disegani di dunia.

Beliau mengajak rakyat supaya mengambil contoh daripada kekalahan Iraq dalam perang Teluk sebagai pengajaran betapa umat Islam tidak mampu mengatasi kekuatan bangsa lain sekiranya umat Islam sendiri tidak memiliki ilmu dan kebolehan yang setanding.

+Kita boleh marah kepada Yahudi...tetapi kita tidak boleh melawan (kekuatan) Yahudi kerana kita tak hendak belajar ilmu yang boleh melawan Yahudi. -- Lagi

♥22/03/22-19MST

Mahathir - Usukan 3 Jitra

Beliau kesal kerana ramai umat Islam yang tidak menganggap mempelajari ilmu itu sebagai penting tetapi sebaliknya menganggap ia sebagai +perkara dunia+.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengajak rakyat merenung bahawa kekalahan Iraq kepada pihak bersekutu dalam Perang Teluk, antara lain berpunca daripada pergantungannya kepada bekalan senjata Rusia, Amerika Syarikat dan Perancis dan apabila pihak-pihak berkenaan tidak lagi membekalkan alat ganti Iraq tidak dapat lagi berbuat apa-apa.

Beliau berkata sifat terlalu bergantung kepada orang lain merupakan sesuatu yang berbahaya dan apabila sesuatu bangsa telah ditakluki oleh orang lain kesannya buruk.

+Jika kita dikuasai oleh orang lain, anak-anak kita mungkin bertukar kepada agama lain,+ katanya sambil mengingatkan rakyat terhadap apa yang berlaku di negeri-negeri yang mempunyai ramai umat Islam yang kini di bawah kesatuan Soviet Union.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff dan isterinya, Datin Seri Hajah Azizah Abdul Hamid, ialah antara yang menghadiri majlis berbuka puasa itu dan bersembahyang Maghrib dan Isyak bersama rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini. -- Bernama